

14/06/2000

Malaysia sedia jadi orang tengah krisis Chechnya

SUBANG, Selasa - Malaysia bersedia memainkan fungsi sebagai orang tengah bagi mencapai penyelesaian pendamaian dalam proses rundingan di antara Rusia dan Chechnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan cuba sedaya upaya untuk memberi sumbangan ke arah mencapai keamanan negara itu kerana komited kepada keamanan sejagat.

Bagaimanapun, katanya, sebelum itu beliau ingin mengetahui dengan lebih lanjut apa yang perlu dilakukan Malaysia berikutan permintaan Presiden Chechnya, Aslan Maskhadov yang mahukan beliau menjadi orang tengah dalam proses rundingan itu.

"Saya ingin mengetahui lebih lanjut apa yang boleh dilakukan, apa peranan kita boleh mainkan. Kita dedikasi kepada keamanan dan dengan itu, jika ada sebarang usaha yang kita boleh sumbangkan ke arah penyelesaian keamanan, kita akan cuba sedaya upaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan pemimpin Chechnya itu yang melahirkan harapan jika Dr Mahathir dapat membawa kedua-dua pihak yang bertelagah, iaitu Chechnya dan Russia, bagi memulakan proses rundingan.

Kelmarin, Presiden itu dilaporkan berkata bahawa beliau cuba menghubungi Dr Mahathir tetapi tidak berjaya kerana keadaan buruk di medan perang seperti tiada kemudahan telefon dan mesin faksimili.

Dr Mahathir yang turut ditanya bagaimana beliau boleh membantu Maskhadov sedangkan pemimpin Chechnya itu masih bersembunyi dalam hutan, berkata: "Kita tidak boleh menyelesaikan perkara itu (sembunyi dalam hutan). Saya berpendapat, dia sendiri terpaksa menyelesaikan hal itu atau dia mungkin boleh menghantar wakil khas."

Maskhadov yang pernah ke Kuala Lumpur beberapa tahun lalu, menyifatkan Malaysia sebuah negara yang menakjubkan dengan penduduknya yang baik.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dari lawatan kerja selama seminggu ke Jepun. Kepulangan Perdana Menteri disambut Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri Kabinet.

Mengenai lawatannya ke Jepun, Dr Mahathir berkata, beliau berkesempatan meninjau pelbagai industri yang mempunyai kaitan dengan Malaysia dan disifatkannya memberi banyak idea.

"Saya harap idea ini berguna untuk Malaysia. Saya juga berjumpa dengan ramai pelabur yang mempunyai minat untuk mengadakan kegiatan ekonomi di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pelabur Jepun menunjukkan minat untuk melabur di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan percaya mereka akan membabitkan diri dengan lebih cergas.

(END)